



29 Januari 2026  
29 January 2026  
P.U. (A) 41

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN BOMBA  
(PENYEDIA LATIHAN DAN PENGAJAR) 2026

*FIRE SERVICES (TRAINING PROVIDER AND  
INSTRUCTOR) REGULATIONS 2026*

DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PERKHIDMATAN BOMBA 1988

PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN BOMBA  
(PENYEDIA LATIHAN DAN PENGAJAR) 2026

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 62(1)(ka) dibaca bersama seksyen 36F, 36G dan 36H Akta Perkhidmatan Bomba 1988 [Akta 341], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Bomba (Penyedia Latihan dan Pengajar) 2026**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 3 Februari 2026.

**Pengajar**

2. (1) Mana-mana orang boleh memohon untuk didaftarkan sebagai pengajar di bawah Akta, jika orang itu—

(a) merupakan seorang warganegara Malaysia;

(b) memiliki sekurang-kurangnya Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia atau diploma dalam apa-apa bidang;

(c) memiliki—

(i) sijil kursus pengajar yang berhubungan dengan mana-mana perkara sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga Akta; atau

(ii) Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 yang berhubungan dengan mana-mana perkara sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga Akta; dan

(d) mempunyai sekurang-kurangnya lima tahun pengalaman bekerja dalam mana-mana perkara sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga Akta.

(2) Mana-mana Pegawai Bomba, tertakluk kepada kelulusan Ketua Pengarah, boleh memohon untuk didaftarkan sebagai pengajar, jika Pegawai Bomba itu—

(a) telah berkhidmat sebagai Pegawai Bomba bagi tempoh sekurang-kurangnya tujuh tahun; dan

(b) memiliki Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang yang berhubungan dengan mana-mana perkara sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga Akta.

### **Penyedia latihan**

3. (1) Mana-mana orang boleh memohon untuk didaftarkan sebagai penyedia Latihan di bawah Akta, jika orang itu—

(a) merupakan suatu syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*], suatu perkongsian yang didaftarkan di bawah Akta Perkongsian 1961 [*Akta 135*] atau suatu perkongsian liabiliti terhad yang didaftarkan di bawah Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 [*Akta 743*];

(b) mempunyai kemudahan dan kelengkapan untuk menjalankan apa-apa latihan yang berhubungan dengan mana-mana perkara sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga Akta;

(c) mengambil kerja sekurang-kurangnya satu orang pengajar yang berdaftar di bawah Akta dan memiliki kelayakan yang disebut dalam subperenggan 2(1)(c)(i); dan

- (d) mengambil kerja sekurang-kurangnya dua orang pengajar yang berdaftar di bawah Akta dan memiliki kelayakan yang disebut dalam subperenggan 2(1)(c)(ii).

### Fi

4. Fi bagi pengeluaran atau pembaharuan perakuan pendaftaran berhubung dengan penyedia latihan atau pengajar adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

### JADUAL

[Peraturan 4]

### FI

(1) Butiran	(2) Perihal	(3) Pengeluaran perakuan pendaftaran  (RM)	(4) Pembaharuan perakuan pendaftaran  (RM)
1.	Pengajar	800	400
2.	Penyedia latihan	1,000	500

Dibuat 27 Januari 2026

[KPKT.100-1/11/1(25); PN(PU2)471/JLD.7]

NGA KOR MING  
Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan

FIRE SERVICES ACT 1988

FIRE SERVICES (TRAINING PROVIDER AND INSTRUCTOR) REGULATIONS 2026

IN exercise of the power conferred by paragraph 62(1)(ka) read together with sections 36F, 36G and 36H of the Fire Services Act 1988 [Act 341], the Minister makes the following regulations:

**Citation and commencement**

1. (1) These regulations may be cited as the **Fire Services (Training Provider and Instructor) Regulations 2026**.

(2) These Regulations come into operation on 3 February 2026.

**Instructor**

2. (1) Any person may apply to be registered as an instructor under the Act, if such person—

(a) is a Malaysian citizen;

(b) possesses at least the Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia or a diploma in any field;

(c) possesses—

(i) a trainer's course certificate relating to any matter as specified in the Third Schedule of the Act; or

(ii) a Malaysian Skills Certificate Level 3 relating to any matter as specified in the Third Schedule of the Act; and

(d) has at least five years of working experience in any matter as specified in the Third Schedule of the Act.

(2) Any Fire Officer, subject to the approval of the Director General, may apply to be registered as an instructor, if such Fire Officer—

- (a) has served as a Fire Officer for a period of at least seven years; and
- (b) possesses a Malaysian Skills Certificate Level 3 in the field relating to any matter as specified in the Third Schedule of the Act.

### **Training provider**

3. (1) Any person may apply to be registered as a training provider under the Act, if such person—

- (a) is a company incorporated under the Companies Act 2016 [Act 777], a partnership registered under the Partnership Act 1961 [Act 135] or a limited liability partnership registered under the Limited Liability Partnerships Act 2012 [Act 743];
- (b) has the facilities and equipments to conduct any training relating to any matter as specified in the Third Schedule of the Act;
- (c) employs at least one instructor who is registered under the Act and possesses the qualification as referred to in subparagraph 2(1)(c)(i); and
- (d) employs at least two instructors who are registered under the Act and possess the qualification as referred to in subparagraph 2(1)(c)(ii).

### **Fees**

4. Fees for the issuance or renewal of certificate of registration in relation to a training provider or an instructor are as specified in the Schedule.

## SCHEDULE

[Regulation 4]

## FEES

(1) Item	(2) Description	(3) Issuance of certificate of registration  (RM)	(4) Renewal of certificate of registration  (RM)
1.	Instructor	800	400
2.	Training provider	1,000	500

Made 27 January 2026

[KPKT.100-1/11/1(25); PN(PU2)471/JLD.7]

NGA KOR MING

*Minister of Housing and Local Government*